

**PENGURUSAN TINGKAH LAKU KANAK-KANAK
BERKEPERLUAN KHAS: KAJIAN KES MURID
ATTENTION DEFICIT HYPERACTIVITY DISORDER
(*Behavior Management of Children with Special Needs: A Case Study of Student with
Attention Deficit Hyperactivity Disorder*)**

NOR AZILAWATI MAT ISA, ZANARIAH MAT ISA, SYAIDATUN NAZIRAH ABU
ZAHIRIN*, NORMA AIDA ABDULLAH, NUR AMALIA FARISHA AB MAJID, NURUL
HIDAYAH ABD JABAR & WAN NURIN NADIAH WAN ZALALUDDIN

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk meneroka pendekatan pengurusan tingkah laku dan keberkesanan intervensi pendidikan terhadap murid yang didiagnosis dengan *Attention Deficit Hyperactivity Disorder* (ADHD) dalam konteks pendidikan inklusif di Malaysia. Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kes kualitatif dengan seorang murid lelaki berumur enam tahun sebagai subjek utama. Kaedah pengumpulan data merangkumi pemerhatian, temu bual bersama guru dan analisis dokumen seperti Rancangan Pengajaran Individu (RPI) dan hasil kerja murid. Analisis data dalam kajian ini menggunakan kaedah tematik di mana dapatan kajian telah dibahagikan kepada tiga aspek, iaitu tingkah laku, pendidikan, cabaran dan intervensi yang telah dibuat untuk murid ADHD. Dapatan kajian menunjukkan bahawa murid ADHD menghadapi kesukaran memberi tumpuan, cenderung menunjukkan tingkah laku hiperaktif dan impulsif serta mengalami ketidakstabilan emosi hingga memberi kesan terhadap penglibatan dalam aktiviti pembelajaran. Pelaksanaan intervensi dan penggunaan RPI yang berstruktur didapati berkesan dalam membantu meningkatkan kemahiran sosial, fokus dan pengawalan diri murid. Walau bagaimanapun, cabaran seperti kekurangan latihan guru dalam pendidikan khas, persekitaran pembelajaran yang kurang responsif dan bergantung tinggi murid kepada guru dikenal pasti sebagai faktor yang menjejaskan keberkesanan pengurusan tingkah laku. Kajian ini mencadangkan pelaksanaan intervensi yang lebih fleksibel, peningkatan latihan profesional guru dan penglibatan aktif ibu bapa sebagai strategi penambahbaikan dalam menyokong perkembangan holistik murid ADHD di peringkat awal kanak-kanak.

Kata Kunci: ADHD; Pendidikan inklusif; Intervensi; Pengurusan tingkah laku

ABSTRACT

This study aims to explore the approach to behavior management and the effectiveness of educational interventions for students diagnosed with Attention Deficit Hyperactivity Disorder

Please cite this article as: Nor Azilawati Mat Isa, Zanariah Mat Isa, Syaidatun Nazirah Abu Zahrin, Norma Aida Abdullah, Nur Amalia Farisha Ab Majid, Nurul Hidayah Abd Jabar & Wan Nurin Nadiah Wan Zalaluddin. 2025. Pengurusan Tingkah Laku Kanak-Kanak Berkeperluan Khas: Kajian Kes Murid Attention Deficit Hyperactivity Disorder, *MALIM: Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara* 26(1):187-206.

(ADHD) in the context of inclusive education in Malaysia. This study uses a qualitative case study design with a six-year-old male student as the main subject. Data collection methods include observation, interviews with teachers and analysis of documents such as Individualized Instructional Plans (IIPs) and student work. This study adopted thematic method analysis where the study findings were divided into four aspects, namely behavior, education, challenges and the intervention made for the ADHD student. The findings show that ADHD students face difficulty in focusing, tend to show hyperactive and impulsive behavior and experience emotional instability that affects their engagement in learning activities. The implementation of interventions and the use of structured IIPs were found to be effective in helping to improve students' social skills, focus and self-regulation. However, challenges such as lack of teacher training in special education, less responsive learning environments and high dependency of students on teachers were identified as factors that affect the effectiveness of behavior management. This study suggests the implementation of more flexible interventions, increased professional training of teachers and active involvement of parents as improvement strategies in supporting the holistic development of ADHD students in early childhood.

Keywords: ADHD; Inclusive education; Intervention; Behavior management

PENGENALAN

Pendidikan merupakan suatu proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang berstruktur dan sistematik yang bertujuan untuk membantu dalam mengembangkan potensi individu secara intelektual, emosi mahupun sosial (Raudatus et al., 2022). Proses pembelajaran ini berlangsung secara formal dan tidak formal. Dalam konteks pendidikan, proses ini bukanlah mementingkan perihai perkongsian ilmu pengetahuan semata-mata tetapi turut menekankan pembentukan karakter individu, penerapan nilai dan moral serta budaya yang sewajarnya untuk dipraktikkan dalam kehidupan bermasyarakat.

Di Malaysia, sistem pendidikan amat menekankan prinsip pendidikan untuk semua iaitu dengan menyediakan pembelajaran yang adil dan saksama kepada semua murid termasuklah bagi murid berkeperluan khas (MBK). Hal ini terbukti apabila kerajaan melaksanakan pelbagai inisiatif di bawah Dasar Pendidikan Inklusif seperti Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) dan pendidikan inklusif bagi memastikan murid berkeperluan khas turut mendapatkan akses pendidikan berkualiti serta persekitaran yang sesuai dengan perkembangan mereka (Nurfarhana & Azmil, 2022). Pendidikan Inklusif bermaksud sekolah-sekolah biasa mengintegrasikan keperluan pelajar berkeperluan khas dan bertanggungjawab untuk menyediakan kemudahan dan sokongan yang diperlukan oleh mereka (Donnie et al, 2020).

Melalui kajian yang dilakukan, didapati bahawa murid berkeperluan khas, terutama yang mempunyai masalah *Attention Deficit Hyperactivity Disorder* (ADHD) sering mengalami masalah dalam menyesuaikan diri dengan suasana pembelajaran yang disediakan di prasekolah. Kebanyakan mereka mengalami masalah dalam memberi tumpuan terhadap sesi pdp yang dijalankan serta masalah kawalan emosi yang menjejaskan tahap keterlibatan mereka dalam setiap

aktiviti pembelajaran yang dilaksanakan (Katrina et al., 2023). Secara tidak langsung, situasi ini juga menjadi satu cabaran kepada guru dalam mencari inisiatif bagi menarik minat murid berkeperluan khas dalam setiap aktiviti yang dijalankan.

Kajian yang dilakukan ini penting bagi mengenal pasti pendidikan inklusif khusus untuk kanak-kanak ADHD supaya pendidikan inklusif dapat diterapkan dengan lebih baik dan efektif di tadika, prasekolah, institusi pendidikan atau pusat pemulihan di Malaysia. Melalui kajian ini, guru dapat melihat cabaran serta beberapa cadangan dalam meningkatkan keberkesanan pengajaran kepada kanak-kanak ADHD yang dibuat berdasarkan beberapa kajian teori yang sememangnya sesuai untuk diaplikasikan kepada kanak-kanak ADHD.

Dalam konteks pendidikan prasekolah, pengurusan tingkah laku kanak-kanak berkeperluan khas seperti hiperaktif, agresif dan impulsif merupakan satu cabaran utama kepada pendidik. ADHD ini bukan sahaja mengganggu proses pembelajaran kanak-kanak tersebut, malah turut memberi kesan kepada interaksi bilik darjah secara keseluruhan (Dayang Julida & Muhd Izwan, 2021). Meskipun pendidikan inklusif telah diperkenalkan bagi memberi akses kepada kanak-kanak berkeperluan khas dalam arus pendidikan perdana, pelaksanaannya masih menghadapi beberapa kekangan praktikal, termasuk kekurangan intervensi yang sesuai dan Rancangan Pengajaran Individu yang efektif (Lee et al., 2019).

Tambahan pula, tidak semua guru prasekolah diberi latihan khusus dan mencukupi dalam menangani kanak-kanak yang mempunyai tingkah laku yang mencabar. Ini mengakibatkan pelaksanaan strategi intervensi dan pengurusan bilik darjah yang tidak konsisten, seterusnya menjejaskan keberkesanan intervensi yang dilaksanakan. Dalam kes responden kajian, masalah tingkah laku yang berulang seperti mencederakan diri, mengganggu rakan dan bertindak agresif ketika sesi pembelajaran menimbulkan desakan kepada guru untuk merangka pendekatan pedagogi yang lebih bersifat individu dan responsif terhadap keperluan murid tersebut.

Namun begitu, masih terdapat kekurangan kajian kes yang mendalam mengenai pendekatan pengurusan tingkah laku di tadika swasta di Malaysia yang melibatkan murid ADHD, khususnya dalam konteks pelaksanaan RPI dan bentuk intervensi motor halus. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk mengisi jurang tersebut dengan memberi fokus kepada strategi intervensi yang diaplikasikan serta keberkesananannya terhadap perubahan tingkah laku murid, sekali gus menyumbang kepada pengukuhan amalan pendidikan inklusif di peringkat awal kanak-kanak yang berkeperluan khas.

PENDIDIKAN INKLUSIF

Pendidikan inklusif merupakan pendekatan pendidikan yang mengiktiraf kepelbagaian keperluan murid dan menekankan akses yang adil terhadap peluang pembelajaran untuk semua murid termasuk mereka yang mempunyai keperluan khas seperti *Attention Deficit Hyperactivity Disorder* (ADHD). Murid ADHD kerap menghadapi cabaran dalam mengawal tumpuan, tingkah laku impulsif dan hiperaktif yang boleh menjejaskan penglibatan mereka dalam bilik darjah (Yadav et al., 2021). Oleh itu, sistem pendidikan perlu memberi sokongan yang bersesuaian bagi memastikan murid ini tidak tersisih daripada arus pendidikan perdana.

Laporan dan kajian antarabangsa menunjukkan bahawa tahap pelaksanaan pendidikan inklusif berbeza di seluruh dunia yang dipengaruhi oleh latar belakang budaya, tahap ekonomi negara serta dasar dan keutamaan pendidikan masing-masing (Sapon-Shevin, 2020; UNESCO, 2021). Menurut UNESCO (2021), pendidikan inklusif bukan sahaja penting dalam konteks keadilan sosial, tetapi turut menjadi salah satu komponen utama dalam Matlamat Pembangunan Mampan (SDG). Pendidikan inklusif harus berperanan sebagai pemangkin kepada integrasi sosial dengan menyediakan persekitaran pembelajaran yang menerima dan menyokong semua murid tanpa diskriminasi.

UNESCO (2020) dalam laporannya turut mengetengahkan keperluan untuk memberi perhatian kepada murid yang berdepan masalah pembelajaran seperti ADHD. Laporan tersebut menyeru agar negara-negara di seluruh dunia memperkukuh dasar dan amalan pendidikan inklusif termasuk membangunkan strategi khusus yang dapat membantu murid ADHD menyesuaikan diri dalam bilik darjah. Antaranya ialah penyediaan latihan kepada guru, pelaksanaan pendekatan pengajaran yang fleksibel dan penyediaan kemudahan serta sokongan psikososial di peringkat sekolah.

Peningkatan sokongan di peringkat antarabangsa dan kesedaran masyarakat yang semakin berkembang, pendidikan inklusif kini semakin diiktiraf sebagai pendekatan yang mampu memberi manfaat yang besar kepada pembangunan akademik, sosial dan emosi kanak-kanak berkeperluan khas, khususnya mereka yang berada dalam spektrum ADHD. Di negara maju seperti Amerika Syarikat dan United Kingdom, kesedaran terhadap kepentingan pendidikan inklusif untuk kanak-kanak ADHD semakin kukuh, didorong oleh pelaksanaan dasar pendidikan yang progresif serta perlindungan undang-undang yang menyeluruh. Sebagai contoh, Amerika Syarikat telah menggubal *Individuals with Disabilities Education Act* (IDEA) yang menjamin hak setiap kanak-kanak berkeperluan khas untuk mendapat pendidikan yang sesuai dengan keperluan mereka dalam persekitaran yang paling inklusif (Zikpi, 2020). Dalam konteks ini, pendidikan inklusif tidak lagi dianggap sebagai suatu pilihan tambahan, tetapi sebagai hak asasi manusia yang wajib dipenuhi oleh sistem pendidikan arus perdana.

Kajian menunjukkan tahap kesedaran guru mengenai ADHD masih belum memuaskan. Dalam kajian oleh Nurul Izzah dan Hazhari (2020), ramai guru prasekolah di Malaysia mengakui mereka kurang pengetahuan tentang ADHD serta strategi pedagogi yang sesuai. Kekurangan kesedaran ini boleh membawa kepada salah tafsir terhadap tingkah laku murid ADHD, seterusnya mengakibatkan penggunaan pendekatan pengajaran yang tidak bersesuaian seperti hukuman yang berlebihan atau pengasingan murid daripada aktiviti pembelajaran. Kajian oleh Nafi et al. (2021) turut menunjukkan bahawa guru yang mempunyai kesedaran yang tinggi mengenai ADHD cenderung untuk merancang pengajaran secara lebih inklusif dan fleksibel termasuk dengan menggunakan strategi peneguhan positif dan penyesuaian aktiviti mengikut tahap keupayaan murid. Kesedaran ini menjadi asas kepada pelaksanaan Rancangan Pengajaran Individu (RPI) yang berkesan.

Kesedaran ibu bapa terhadap kepentingan pendidikan awal kepada anak ADHD juga merupakan faktor penentu kejayaan intervensi. Ibu bapa yang memahami kesan ADHD terhadap perkembangan pembelajaran anak mereka akan lebih cenderung terlibat secara aktif dalam program intervensi di rumah dan sekolah. Sebaliknya, ibu bapa yang kurang faham atau menafikan

keadaan anak mereka sering bersikap pasif dan menyerahkan sepenuhnya tanggungjawab kepada pihak sekolah.

Di samping itu, kajian Kolko et al. (2020) mendapati bahawa program pendidikan ibu bapa yang dijalankan secara berkala mampu meningkatkan pemahaman mereka tentang ADHD serta meningkatkan kerjasama antara pihak ibu bapa dan sekolah. Kesedaran ibu bapa terhadap peranan mereka sebagai rakan kongsi pendidikan sangat penting dalam membina kesinambungan strategi pengurusan tingkah laku antara rumah dan sekolah.

Walaupun kesedaran terhadap keperluan pendidikan untuk murid ADHD semakin meningkat, cabaran utama ialah kekurangan latihan guru, kekangan masa dalam bilik darjah, dan kekurangan sumber sokongan profesional. Tello et al. (2024) mencadangkan agar setiap institusi pendidikan menyediakan pelan latihan berfasa kepada guru serta mewujudkan sistem sokongan dalaman seperti pasukan intervensi khas. Selain itu, penyebaran maklumat berkaitan ADHD melalui media massa dan pendidikan komuniti juga penting dalam meningkatkan kesedaran di peringkat akar umbi.

Kajian turut menunjukkan bahawa murid ADHD kerap mengalami kesukaran mengikuti rutin bilik darjah, mudah terganggu dengan persekitaran serta menghadapi masalah dalam mengekalkan fokus terhadap tugas yang diberikan. Tingkah laku impulsif dan gangguan emosi turut menyebabkan mereka berpotensi menimbulkan konflik dengan guru dan rakan sebaya, seterusnya memberi kesan terhadap motivasi pembelajaran dan pencapaian akademik (Sunko et al., 2021). Di peringkat awal pendidikan, kekurangan kesedaran dan pemahaman guru mengenai ADHD boleh membawa kepada pelabelan negatif dan penggunaan strategi pengajaran yang tidak sesuai. Hal ini telah dibuktikan oleh kajian terkini oleh Nurul Izzah & Hazhari (2020) yang mendapati bahawa sebahagian besar guru prasekolah di Malaysia tidak mempunyai latihan khusus dalam menangani murid ADHD, lalu menimbulkan tekanan emosi dalam kalangan guru dan meningkatkan risiko pengasingan murid daripada aktiviti kelas.

Selain itu, murid ADHD juga sukar untuk menyesuaikan diri dalam rutin harian. Struktur pengajaran konvensional yang bersifat statik dan bergantung kepada arahan lisan sering menjadi penghalang kepada murid ADHD untuk belajar dalam suasana yang lebih baik. Mereka mudah hilang fokus, sukar duduk diam dan tidak dapat mengikuti aktiviti dalam tempoh masa yang panjang. Suasana bilik darjah yang tidak responsif terhadap keperluan murid ADHD turut berisiko menimbulkan gangguan tingkah laku dan menjejaskan keseluruhan proses pengajaran dan pembelajaran.

Cabaran pengurusan murid ADHD dalam bilik darjah ialah tingkah laku mencabar dan impulsif. Murid ADHD sering bertindak tanpa berfikir panjang seperti menyampuk ketika guru bercakap, berjalan keliling bilik darjah tanpa sebab atau menyentuh barang milik rakan. Tingkah laku seperti ini bukan sahaja mengganggu rakan-rakan lain, malah boleh mencetuskan salah faham dan konflik dalam bilik darjah terutama apabila guru tidak memahami punca sebenar tingkah laku tersebut. Kajian yang dilakukan oleh Azi Miftah et al. (2024) turut menunjukkan bahawa guru dan masyarakat masih cenderung memberi label negatif kepada murid ADHD seperti “nakal”, “tidak mendengar kata” atau “pemalas”. Stigma ini bukan sahaja memberi kesan kepada perkembangan emosi dan harga diri murid, malah turut menghalang mereka daripada mendapat sokongan yang sewajarnya.

Selain daripada itu, sistem ganjaran seperti token ekonomi, carta kemajuan dan pujian verbal berfungsi sebagai alat pengukuhan tingkah laku positif. Menurut Fabiano et al. (2021), pendekatan ini membantu murid untuk mengenal pasti dan mengulangi tingkah laku yang diharapkan selain menggalakkan kawalan diri secara berperingkat. Kolko et al. (2020) turut menyatakan bahawa strategi peneguhan positif yang dilaksanakan secara konsisten meningkatkan motivasi dalaman dan membantu murid ADHD untuk menyesuaikan diri dengan lebih baik.

Rancangan Pengajaran Individu (RPI) merupakan dokumen intervensi formal yang direka khas untuk menyokong pembelajaran murid berkeperluan khas secara terancang, fleksibel dan tersasar berdasarkan keperluan individu. RPI untuk murid ADHD perlu mengambil kira kekuatan, kelemahan, gaya pembelajaran dan latar belakang emosi mereka. Dalam kajian yang dijalankan oleh Nafi et al. (2021), RPI yang disediakan dengan kerjasama antara guru, ibu bapa dan pakar pendidikan khas berjaya menyumbang kepada pengurangan tingkah laku mencabar dan peningkatan fokus murid ADHD dalam tempoh tiga bulan pelaksanaan. Kajian oleh Kolko et al. (2023) mengesahkan bahawa murid yang mempunyai RPI yang kukuh menunjukkan pencapaian yang lebih baik dalam aspek pengurusan emosi, kawalan tingkah laku dan peningkatan prestasi akademik.

Guru adalah individu paling penting dalam menjayakan pendidikan inklusif bagi murid ADHD. Namun, cabaran utama ialah kekurangan latihan profesional khusus. UNESCO (2021) menekankan bahawa pendidikan inklusif memerlukan sokongan dasar pendidikan yang menjamin penyediaan latihan berkala kepada guru, pembangunan bahan bantu mengajar mesra ADHD dan sistem sokongan dalaman di peringkat sekolah seperti pembantu pengurusan tingkah laku murid.

Bagi mengukuhkan pelaksanaan pendidikan inklusif di Malaysia, kajian menunjukkan terdapat keperluan mendesak bagi melatih guru dalam bidang pendidikan khas, menyediakan panduan pengajaran yang selaras dengan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) dan kurikulum arus perdana serta merangka Rancangan Pengajaran Individu (RPI) yang sesuai untuk keperluan murid yang mengalami ADHD. Keberkesanan pendidikan inklusif di sekolah-sekolah rendah dan prasekolah bergantung kepada usaha berterusan dalam usaha untuk memperlengkapkan guru dengan latihan profesional yang khusus, terutamanya dalam aspek komunikasi, penggunaan pendekatan berstruktur serta penerapan strategi pengurusan tingkah laku yang sesuai dengan keperluan neuro perkembangan murid ADHD. Selain itu, sokongan institusi dan dasar pendidikan yang inklusif turut memainkan peranan penting dalam memastikan murid ADHD dapat belajar dalam persekitaran yang lebih selamat, menyokong dan adil.

Teori Kognitif Jean Piaget (*Theory of Cognitive Development*)

Teori ini menjelaskan mengenai bagaimana kanak-kanak membina pemahaman dunia melalui pengalaman serta rangsangan persekitaran mereka yang berlaku secara berperingkat mengikut tahap umur (Alon & Adventrianis, 2021). Melalui pemahaman dan penguasaan guru mengenai teori ini, penyediaan aktiviti-aktiviti kepada kanak-kanak dapat dilakukan dengan mudah di samping memastikan kesesuaian dan keberkesanannya. Secara tidak langsung, kanak-kanak dapat melibatkan diri secara aktif berikutan dengan kesesuaian aktiviti pembelajaran yang dilaksanakan serta meningkatkan keupayaan pemikiran mereka.

METOD KAJIAN

Kajian kes telah dipilih sebagai metod kajian, dengan kaedah pemerhatian dan analisis kandungan untuk beberapa dokumen yang berkaitan dengan kajian. Subjek kajian ini merupakan seorang kanak-kanak lelaki berumur enam tahun yang menghidap ADHD dan didiagnosis ketika berusia lima tahun. Subjek ini dipilih berikutan usianya yang masih muda dan situasinya yang mendapat pendidikan di sebuah Taman Didikan Kanak-kanak khusus bagi kanak-kanak berkeperluan khas. Kumpulan penyelidik telah mengadakan sebuah program intervensi awal bagi mengikuti perkembangan serta mendapatkan maklumat dan data kanak-kanak berkenaan.

Kajian ini telah dilakukan di sebuah Taman Didikan Kanak-kanak bertempat di kawasan bandar Kota Bharu, Kelantan. Pemilihan lokasi ini dilakukan berdasarkan kesesuaian dengan objektif kajian serta dilihat dapat memenuhi keperluan dalam mendapatkan maklumat yang diinginkan sekali gus menjamin kesahihan sumbernya. Kumpulan penyelidik melakukan pemerhatian secara langsung terhadap subjek sepanjang aktiviti dilakukan dalam tempoh beberapa hari. Pemerhatian yang dilakukan adalah secara menyeluruh merangkumi penglibatan subjek sepanjang aktiviti dijalankan, interaksi subjek dengan guru dan rakan sebaya serta hasil kerja yang dihasilkan oleh subjek. Kesemua dapatan yang diperoleh sepanjang pemerhatian telah pun dicatat pada borang pemerhatian tingkah laku kanak-kanak.

Penyelidik telah mengumpul dan menganalisis beberapa dokumen yang berkaitan dengan hasil kerja, rancangan pengajaran individu, laporan kemajuan dan kajian-kajian ilmiah yang berkaitan dengan perkembangan pembelajaran subjek. Hal ini bertujuan bagi mengukuhkan lagi kajian yang dilakukan. Kesemua dokumen yang dilihat dan diambil serta disalin semula adalah dengan kebenaran ibu bapa dan guru subjek kajian.

Selain itu, sesi temu bual juga telah dilakukan oleh penyelidik bersama guru yang bertanggungjawab sepenuhnya kepada subjek. Temu bual ini bertujuan bagi mengetahui dan mendapatkan perspektif guru itu sendiri secara langsung mengenai cabaran atau isu-isu yang berbangkit selama menjalankan aktiviti pengajaran kepada subjek kajian di tadika tersebut.

Kajian dijalankan untuk memahami secara mendalam tentang aspek pengurusan tingkah laku dan pendidikan bagi seorang murid yang mengalami ADHD di sebuah tadika swasta di Kota Bharu, Kelantan. Pendekatan kualitatif dengan reka bentuk kajian kes membolehkan analisis terperinci terhadap konteks tingkah laku, pendidikan serta cabaran yang dihadapi oleh murid ADHD dapat dijalankan.

Analisis data dalam kajian menggunakan kaedah tematik di mana dapatan kajian telah dibahagi kepada empat aspek, iaitu tingkah laku, pendidikan, cabaran dan intervensi yang telah dijalankan terhadap murid yang mengalami ADHD.

DAPATAN KAJIAN

Melalui kaedah tematik yang telah dijalankan, dapatan kajian telah dibahagi kepada empat aspek, iaitu tingkah laku, pendidikan, cabaran dan intervensi yang telah dijalankan terhadap murid ADHD.

1) Tingkah laku murid ADHD

Pemerhatian dilaksanakan untuk mengenal pasti tingkah laku murid ADHD di dalam bilik darjah. Berdasarkan pemerhatian ini, penyelidik mendapati bahawa subjek menghadapi kesukaran untuk fokus atau memberi perhatian terhadap aktiviti yang dijalankan dalam jangka masa yang panjang. Beliau mudah terganggu dengan rangsangan persekitaran seperti bunyi, pergerakan rakan atau objek di sekelilingnya.

Subjek berlari dan duduk di suatu kawasan setelah menjalankan aktiviti dalam jangka masa yang lama. Hasil pengamatan yang dilakukan penyelidik di tadika mendapati bahawa subjek mula menunjukkan tanda-tanda keletihan dan kehilangan tumpuan selepas terlibat dalam aktiviti yang memerlukan fokus berterusan. Subjek hanya mampu fokus selama beberapa minit sahaja sebelum mula menunjukkan tingkah laku mengganggu iaitu berlari di sekeliling ruang bermain. Setelah guru meminta subjek untuk melaksanakan aktiviti untuk kali kedua, namun subjek mula menunjukkan reaksi yang tidak diingini seperti mengetuk meja berulang kali kerana subjek mula berasa bosan dengan aktiviti tersebut. Tingkah laku ini juga mencerminkan keperluan murid ADHD untuk bergerak dan berehat selepas tempoh aktiviti yang panjang berbanding rakan sebaya yang masih boleh meneruskan aktiviti melalui *scaffolding*. Jadi, dapat disimpulkan bahawa subjek memerlukan pendekatan pengajaran yang lebih fleksibel dan disesuaikan dengan keperluan ADHD termasuk masa rehat yang mencukupi dan sokongan berstruktur agar dapat mengekalkan fokus dan keterlibatan secara positif dalam pembelajaran.

Subjek juga menunjukkan tingkah laku yang berlebihan. Tingkah laku tersebut berlaku secara impulsif, kerap dan di luar jangkaan. Tingkah laku ini biasanya berpunca daripada kesukaran mengawal impuls, keperluan pergerakan yang tinggi serta ketidakupayaan untuk menumpukan perhatian dalam tempoh yang lama. Tingkah laku ini juga boleh mengganggu pembelajaran dan mencetuskan konflik sosial melainkan guru mengambil pendekatan pengurusan yang sesuai dan memahami punca tingkah laku tersebut.

Subjek menunjukkan reaksi yang berlebihan apabila guru subjek tidak membenarkan subjek menonton televisyen. Keadaan ini berlaku selepas waktu makan dan subjek terus bergerak ke arah gurunya lalu meminta gurunya untuk membuka televisyen. Namun, permintaannya ditolak kerana subjek telah menonton televisyen dalam tempoh masa yang panjang sebelum waktu makan. Akibatnya, subjek mula menunjukkan reaksi emosi yang tidak terkawal dengan menangis secara berlebihan dan menjerit dengan kuat sehingga mengganggu rakan-rakan yang lain. Tingkah laku ini mencerminkan kesukaran murid ADHD dalam mengawal emosi apabila berdepan dengan kekecewaan. Subjek dilihat sukar menerima penolakan secara tiba-tiba, terutamanya apabila melibatkan aktiviti yang diminati seperti menonton televisyen yang sering dijadikan rutin baginya. Ketika permintaan tidak dipenuhi, murid ADHD cenderung bertindak secara impulsif tanpa

berfikir panjang dan dalam kes ini, subjek meluahkan rasa tidak puas hati melalui tangisan dan jeritan yang berlebihan. Oleh itu, penting bagi guru untuk merancang pendekatan yang bersesuaian dan berstruktur dalam menangani tingkah laku murid ADHD terutamanya ketika berdepan dengan situasi yang boleh mencetuskan kekecewaan atau konflik emosi.

Subjek sering bersikap hiperaktif, sukar untuk duduk diam dan sentiasa bergerak secara berlebihan. Subjek juga kelihatan sentiasa gelisah dan sukar mengawal dorongan untuk bergerak walaupun dalam situasi yang memerlukan ketenangan seperti mendengar arahan guru atau menunggu giliran bermain. Guru sentiasa memantau pergerakan subjek kerana tingkah lakunya yang di luar jangkaan dan spontan boleh mengganggu suasana pembelajaran dan rakan sebaya.

Subjek berpusing-pusing dan melompat tanpa henti di dalam bilik darjah. Tingkah laku ini merupakan gambaran jelas sikap hiperaktif yang biasa ditunjukkan oleh murid ADHD. Ketika murid lain sedang menyiapkan tugas yang memerlukan fokus dan duduk diam tetapi subjek kelihatan gelisah, tidak dapat menumpukan perhatian dan mula bangun dari tempat duduk dan berpusing-pusing di sekitar ruang bermain dan melompat tanpa henti. Meskipun guru telah beberapa kali meminta subjek agar kembali duduk dan membuat tugas, subjek terus menunjukkan tingkah laku yang sama seolah-olah tidak mampu mengawal pergerakan tubuhnya. Rakan-rakan yang lain mula berasa terganggu dan sukar memberi tumpuan apabila suasana kelas menjadi bising dan tidak teratur akibat pergerakan subjek kajian yang berlebihan. Tingkah laku ini berlarutan selama beberapa minit sebelum guru akhirnya menggunakan teknik '*calm corner*' atau sudut ketenangan sebagai tempat subjek melepaskan tekanan dan menenangkan diri apabila mereka merasa terlalu gelisah. Keadaan ini menunjukkan bahawa murid ADHD mempunyai keperluan pergerakan yang tinggi dan sukar untuk kekal fokus dalam aktiviti yang memerlukan ketenangan dan tumpuan yang berpanjangan.

Sekiranya subjek mempunyai sistem sokongan yang tepat dan pendekatan yang mesra, subjek dapat belajar menguruskan tingkah laku yang hiperaktif. Ini bukan sahaja membantu subjek lebih tenang dan fokus dalam pembelajaran, malah meningkatkan interaksi sosial dan mengurangkan gangguan dalam kelas. Oleh itu, pemahaman dan kesabaran guru serta pemahaman terhadap penggunaan strategi pengurusan tingkah laku yang sesuai adalah sangat penting dalam membantu murid ADHD mencapai potensi penuh mereka. Berdasarkan analisis pemerhatian yang dijalankan di tadika, didapati bahawa pengurusan tingkah laku murid ADHD adalah sangat baik. Hal ini disebabkan oleh guru-gurunya yang berkemahiran dan sering menghadiri latihan kursus dalam pendidikan khas. Namun, guru-guru perlu melakukan penyesuaian kaedah pengajaran untuk murid ADHD, khususnya dari segi perancangan aktiviti yang responsif terhadap keperluan khas murid yang mengalami ADHD dalam pengajaran dan pembelajaran.

2) Pendidikan murid ADHD

Analisis dokumen dilakukan untuk menilai bagaimana pihak tadika menyusun perancangan pengajaran dan melaksanakan pemantauan perkembangan murid yang berkaitan

murid berkeperluan khas, khususnya murid yang didiagnosis dengan ADHD. Dapatan utama daripada analisis ini adalah daripada Rancangan Pendidikan Individu (RPI).

Rancangan Pendidikan Individu (RPI) adalah salah satu persediaan bagi seorang guru sebelum mengajar dan perlu menyesuakannya mengikut keperluan seorang kanak-kanak berkeperluan khas. RPI dirangka mengikut keupayaan, keperluan serta masalah yang dihadapi oleh seseorang murid yang mengalami ADHD dalam sesi pembelajaran.

BPKHA BRPU BR/2022

BORANG RANCANGAN PENDIDIKAN INDIVIDU MURID BERKEPERLUAN PENDIDIKAN KHAS B SEKOLAH RENDAH

BAHAGIAN A (Maklumat Diri)

1. Kod Sekolah : 2. Tahun :

3. Nama Sekolah :

4. Program Pendidikan Khas :
a) Sekolah Pendidikan Khas :
b) Program Pendidikan Khas Integresif :
c) Program Pendidikan Inklusif :

5. Nama Murid :

6. Tarikh Lahir : 7. Umur : 8. Kelas :

9. Kategori : 10. Diagnosis :

11. Pengetahuan Sedia Ada :

12. Keupayaan :

13. Keperluan Perubatan :

14. Keperluan Perkhidmatan Sokongan :

15. Keperluan Alat Sokongan :

BAHAGIAN B (Fokus RPI)

16. Kurikulum yang diikuti :

17. Fokus RPI :
a) Ketidaksuaian : b) Akademik :

18. Cabaran Utama :

19. Matlamat Jangka Panjang :

20. Maklumat Jangka Pendek	21. Strategi Intervensi (Aktiviti berdasarkan aspek kekurangan atau keabnormalan)	22. Penerimaan
Award berminat untuk duduk sejenak dalam menonton televisyen atau video yang dinikmati.	INTERVENSI 1. Pelatihan dan latihan semestrian motor halus (Aktiviti secara langsung) Aktiviti yang telah selesai: - Membantu dalam mengaitkan tali sepatu - Membantu Award untuk bergerak secara berfikir, baik dan mengawal tingkah lakunya Aktiviti secara langsung digunakan untuk meningkatkan minat Award untuk belajar. 2. Movement/Sensory break Sepanjang aktiviti PMP berfikir baik, satu masa masa diberikan dalam satu (satu) masa tertentu (setiap 10 minit) Aktiviti diberikan bersama-sama rakan sekelas dan dilaksanakan mengikut pilihan individu secara gilir. CADANGAN BAHAN/ALATAN: - Pelbagai permainan motor halus yang sesuai untuk guru - Pelbagai aktiviti/latihan/PRM yang sesuai - Cadangan movement/sensory break - Latihan yang sesuai PENTUKIRAN: - Pemerhatian - Sensasi semak CATATAN: 1. Senarai semak yang sesuai diberikan oleh guru 2. Berikan penguatkuasaan yang sesuai jika murid melanggar peraturan arahan dan tempoh masa yang ditetapkan.	26/03/2025 - Award telah berbalas dengan perhatian dan tidak berlari dalam kelas. Tugasan satu mengaitkan tali sepatu dan belajar mengaitkan dengan menggunakan intervensi ini. CATATAN: Guru telah menerima maklumat aspek pendidik dan menambah 1 lagi intervensi satu penguatkuasaan positif.

BAHAGIAN C (Persekitaran)

23. Tarikh mula : 24. Tarikh tamat :

25. Keputusan Inventori Minat Kejuruteraan Pendidikan Khas (BMPP) Murid Tahun 6 :

26. Tarikh Sidang Perlembagaan :

a) Tandatangan Ibu Bapa/Pegawai : b) Tandatangan Guru :

c) Ditamok Oleh : d) Ditamok Oleh :

27. Tarikh Sidang Perlembagaan :

a) Tandatangan Ibu Bapa/Pegawai : b) Tandatangan Guru :

Rajah 1 : Rancangan Pendidikan Individu (RPI)

Rajah 1 merupakan RPI yang disediakan untuk subjek kajian yang bertujuan bagi membantu menguruskan masalah tingkah laku subjek kajian, terutama dalam aspek mengawal pergerakan yang berlebihan serta kesukaran menyesuaikan diri untuk bergaul bersama rakan-rakan yang lain. Berdasarkan RPI di atas, didapati bahawa pelaksanaan intervensi adalah selaras dengan keperluan subjek kajian yang menunjukkan tingkah laku kurang sesuai ketika rakan-rakannya menjalankan aktiviti pembelajaran. Intervensi dalam RPI merangkumi pelbagai strategi, termasuk pemberian arahan yang jelas dan ringkas, penggunaan ganjaran positif seperti pelekat pujian serta jadual visual yang dapat membantu subjek kajian untuk memahami struktur harian dengan lebih mudah. Pendekatan ini dilaksanakan secara konsisten oleh guru untuk membantu murid ADHD bagi mengurangkan tingkah laku impulsif yang sering berlaku secara tiba-tiba.

BORANG PEMERHATIAN TINGKAH LAKU

NAMA: AHMAD AUWAD BIN NOR AZARIZA
 KELAS: SAPPHIRE
 TARIKH: 26 FEBRUARI 2025
 JENIS KURANG UPAYA: ADHD

		1. Tiada	2. Kadang-kadang	3. Kerap
Bil	Jenis Tingkah Laku	1	2	3
1	Hiperaktif			/
2	Suka memukul			/
3	Suka mencubit	/		
4	Cepat marah			/
5	Suka mencederakan diri sendiri	/		
6	Suka mencederakan orang lain			/
7	Suka mengganggu kawan			/
8	Menyanyi, bersiul dan ketawa sendirian	/		
9	Suka mengejek kawan	/		
10	Suka menggoyangkan badan			/
11	Guna bahasa kesat	/		
12	Cuba tonjolkan diri untuk menarik perhatian		/	
13	Suka merosakkan harta orang lain		/	
14	Membaling sesuatu kepada kawan			/
15	Suka menjerit			/

Rajah 2 : Borang Pemerhatian Tingkah Laku

Rajah 2 merupakan borang pemerhatian tingkah laku kanak-kanak berkeperluan khas dalam kelas. Berdasarkan dapatan kajian, majoriti tingkah laku yang direkodkan berada dalam kategori “Kerap”, terutamanya bagi tingkah laku yang berkait rapat dengan ciri-ciri kanak-kanak yang mengalami ADHD iaitu hiperaktif, suka memukul, cepat marah, suka mencederakan orang lain, suka mengganggu kawan, membaling objek dan menjerit. Ini sejajar dengan simptom utama murid ADHD iaitu mereka mengalami kesukaran mengawal impuls, tindak balas emosi yang melampau dan tingkah laku mencabar dalam persekitaran sosial. Tingkah laku seperti mencederakan diri sendiri, menggunakan bahasa kesat, dan cuba menarik perhatian secara berlebihan yang ditandai sebagai “kadang-kadang” turut menunjukkan gangguan dalam aspek pengurusan emosi dan sosial iaitu dua komponen penting dalam perkembangan kanak-kanak ADHD.

Borang ini amat berguna sebagai alat pemantauan berterusan yang boleh membantu guru dan ibu bapa untuk memahami pola tingkah laku kanak-kanak yang mengalami ADHD, menilai keberkesanan intervensi serta menyesuaikan pendekatan pengajaran dari semasa ke semasa. Secara keseluruhan, borang ini menyokong proses pemerhatian secara sistematik dan menjadi asas penting dalam mengenal pasti keperluan khusus murid atau kanak-kanak yang mengalami ADHD bagi membolehkan mereka untuk menyesuaikan diri dan berkembang secara lebih positif dalam persekitaran pembelajaran.

3) Cabaran mendidik murid ADHD

Temu bual bersama guru subjek telah dijalankan untuk meningkatkan pemahaman mengenai murid ADHD serta cabaran yang dihadapi. Melalui temu bual ini, beberapa tema utama yang dikenal pasti antaranya adalah subjek didiagnosis menghidap ADHD pada usia lima tahun ketika masih bersekolah di sebuah tadika lain, sebelum dipindahkan ke tadika swasta tersebut bagi tujuan terapi dan pemulihan. Hal ini bermula apabila subjek kajian suka bertindak agresif seperti melemparkan barang dan memukul rakan-rakan yang berada di sekitarnya. Situasi tersebut yang telah berlaku secara berulang kali menyebabkan pihak tadika yang terdahulu meminta ibu bapa subjek agar merujuk kepada pakar kanak-kanak untuk mengenal pasti masalah sebenar yang dihadapi oleh anak mereka. Setelah beberapa kali temu janji bersama pakar diadakan, pakar tersebut mengesahkan bahawa subjek mengalami masalah pembelajaran iaitu ADHD.

Sudah menjadi kebiasaan bagi guru subjek menghadapi cabaran dalam mengurus tingkahlaku subjek. Antaranya adalah kesukaran untuk menarik perhatian subjek kajian sepanjang aktiviti kelas yang dijalankan. Hal ini kerana kanak-kanak yang menghidap ADHD seperti subjek kajian sangat mudah terganggu oleh persekitaran seperti pergerakan rakan atau bunyi yang bising. Lebih memburukkan keadaan lokasi tadika subjek kajian berada dalam kawasan bandar yang berlaku kesesakan lalu lintas dan terdedah kepada bunyi yang agak bising terutamanya pada waktu pagi. Akibatnya, subjek tidak dapat melibatkan diri dalam aktiviti pembelajaran kerana tidak dapat memberi perhatian sepenuhnya akibat gangguan tersebut. Subjek juga tidak boleh berada dalam keadaan fokus dalam tempoh yang lama menyebabkan beliau kehilangan minat. Oleh itu, beliau gagal menyiapkan tugas dalam tempoh yang ditetapkan.

Selain itu, guru juga mengalami kesukaran dalam mengawal emosi murid berkeperluan khas seperti subjek kajian. Ketidakstabilan emosi dalam kalangan murid berkeperluan khas terutamanya subjek boleh menjejaskan penglibatan dirinya dalam sebarang program atau aktiviti. Hal ini dikatakan demikian kerana sekiranya dia tidak mendapatkan apa yang diinginkan atau aktiviti yang dijalankan adalah membosankan, maka mereka akan mula tantrum, bergerak secara bebas dan mengganggu rakan-rakan yang lain. Sikap ini bukan sahaja akan menjejaskan dirinya, malah kanak-kanak yang lain akan turut menunjukkan tingkahlaku yang negatif seperti menjerit hingga menyebabkan suasana menjadi huru-hara.

Akhir sekali, subjek kajian sering mengganggu rakan-rakan yang lain semasa melaksanakan aktiviti. Sebagai contoh, walaupun subjek sudah berjaya menyelesaikan aktiviti melompat di dalam gelung, subjek akan tetap mengulangi aktiviti itu tanpa henti semasa giliran rakan-rakannya yang lain. Hal ini telah menyebabkan kanak-kanak yang lain terganggu dan tidak boleh fokus terhadap aktiviti tersebut. Bukan itu sahaja, subjek juga akan berlari secara tiba-tiba apabila dia berasa bosan atau semasa beliau tidak menjalankan apa-apa aktiviti. Sifatnya yang terlalu aktif berbanding orang lain menyebabkan dia sukar untuk kekal diam dan menumpukan perhatian dalam tempoh yang lama. Perlakuannya ini bukan sahaja mengganggu kelancaran sesi pembelajaran, tetapi juga memerlukan pemantauan tambahan daripada guru untuk memastikan suasana kelas menjadi lebih terkawal.

4) Intervensi dalam mendidik murid ADHD

Guru subjek kajian menyatakan bahawa pelbagai intervensi telah dilaksanakan di tadika tersebut untuk membantu subjek kajian untuk menyesuaikan diri dengan persekitaran dan meningkatkan minat beliau dalam pembelajaran. "Aktiviti Gali Saya!" merupakan salah satu intervensi motor halus yang dilaksanakan, subjek perlu menggali, mencari dan mengenal pasti gambar-gambar tersembunyi yang ada dalam pasir. Aktiviti ini bukan sahaja bertujuan untuk merangsang perkembangan kemahiran motor halus, tetapi juga membantu meningkatkan keupayaan fokus dan daya tumpuan subjek yang mengalami ADHD. Melalui aktiviti ini, subjek dilatih menggunakan jari-jemarinya untuk mengorek dan menyentuh pelbagai tekstur sambil mencari objek atau gambar tersembunyi. Dalam masa yang sama, aktiviti ini juga berfungsi sebagai bentuk terapi deria yang dapat membantu menenangkan emosi dan mengurangkan tingkah laku impulsif. Secara keseluruhan, aktiviti ini membuktikan bahawa pendekatan yang berasaskan permainan sangat sesuai untuk membantu murid ADHD untuk membina kemahiran motor halus secara berkesan sambil melatih pengawalan tingkah laku dan tumpuan mereka dalam suasana persekitaran pembelajaran.



Rajah 2 : Hasil Kerja Murid

Keberkesanan aktiviti intervensi motor halus seperti dalam Rajah 2 dapat membantu kanak-kanak berkeperluan khas menulis dan menyiapkan tugas dengan baik. Melalui intervensi yang konsisten, murid akan menunjukkan perkembangan keupayaan mereka untuk memegang pensel dengan betul, menulis huruf dengan bentuk yang lebih kemas dan meningkatkan daya tahan

serta tumpuan untuk menulis dalam jangka masa yang lebih lama. Hasil kerja murid dapat dilihat dalam pelbagai bentuk seperti tulisan tangan, lukisan, kraf, aktiviti menggunting dan menampal, serta latihan mewarna. Melalui pemerhatian ke atas hasil tugas ini, guru dapat menilai aspek-aspek seperti kekemasan, penggunaan ruang, keupayaan mengikut arahan dan ketekunan murid dalam menyiapkan tugas. Contohnya, tulisan yang semakin kemas dan konsisten menunjukkan peningkatan dalam kawalan otot jari dan koordinasi tangan dan mata, manakala hasil seni yang teratur mencerminkan peningkatan daya tumpuan serta kesedaran visual. Hasil kerja bukan sahaja berfungsi sebagai bukti pembelajaran, tetapi juga sebagai alat merancang intervensi seterusnya secara lebih berfokus dan berkesan.

PERBINCANGAN

Perbincangan hasil kajian ini menunjukkan beberapa isu utama pengurusan tingkah laku murid ADHD dalam memberikan pendidikan yang terbaik di peringkat tadika dan pusat asuhan. Berdasarkan aktiviti intervensi dan analisis dokumen seperti rancangan pengajaran dan borang pemerhatian tingkah laku, kajian ini mendapati bahawa terdapat beberapa cabaran dalam penyediaan pendidikan yang berkualiti untuk kanak-kanak berkeperluan khas di pusat pendidikan awal kanak-kanak. Antara cabaran-cabaran tersebut dan beberapa kaedah telah dicadangkan berdasarkan teori yang telah dirujuk adalah seperti berikut:

Pelaksanaan aktiviti intervensi yang membosankan dan tidak memenuhi minat murid ADHD akan mengurangkan penglibatan murid secara aktif. Hal ini jelas berlaku dalam kalangan murid ADHD yang menghadapi kesukaran untuk mengekalkan perhatian dalam jangka masa yang lama dan mudah hilang fokus (Siti Noridayu et al., 2022). Misalnya, seorang murid yang mengalami ADHD, menunjukkan kecenderungan untuk hilang minat dengan cepat semasa menjalankan aktiviti seperti aktiviti capan. Apabila mula berasa bosan atau kurang berminat, dia akan melakukan tingkah laku yang mengganggu seperti mengetuk meja, bermain alat tulis rakan tanpa kebenaran, bangun dari tempat duduk dan berjalan mengelilingi kelas tanpa menghiraukan arahan guru. Kesannya, penglibatan yang minimum akan menjejaskan keberkesanan intervensi. Pembelajaran kanak-kanak dapat dilakukan dan dilaksanakan dengan lebih baik sekiranya dilakukan dalam persekitaran yang menyokong interaksi antara kanak-kanak dengan guru dan juga bersama rakan sebaya.

Dalam masa yang singkat, murid ADHD akan mengalami perubahan emosi yang ketara dan mengalami kesukaran untuk mengawal reaksi mereka. Menurut Nurul Izzati Asyiqin dan Manisah (2021), murid yang mengalami masalah pembelajaran seperti ADHD adalah lebih cenderung menunjukkan ketidakseimbangan emosi dan gangguan tingkah laku seperti agresif, tantrum, jeritan berlebihan dan tangisan yang sukar dikawal, terutamanya apabila berdepan dengan situasi yang mencetuskan tekanan atau kekecewaan. Sebagai contoh, subjek menunjukkan tingkah laku negatif iaitu bersikap agresif dan menangis secara berlebihan kerana tidak dapat menonton televisyen. Melalui pemahaman dan penguasaan guru mengenai terhadap Teori Kognitif Jean Piaget juga menjelaskan mengenai bagaimana kanak-kanak membina pemahaman dunia melalui pengalaman serta rangsangan persekitaran mereka yang berlaku secara berperingkat mengikut

tahap umur, penyediaan aktiviti-aktiviti kepada kanak-kanak dapat dilakukan dengan mudah di samping memastikan kesesuaian dan keberkesannya.

Murid ADHD memerlukan pendekatan pengurusan tingkah laku yang konsisten dan berstruktur, baik di sekolah mahupun di rumah. Cabaran timbul apabila ibu bapa tidak meneruskan strategi intervensi yang telah dirancang oleh guru atau pakar di rumah. Tanpa input dan sokongan ibu bapa, guru terpaksa menanggung beban sepenuhnya, sedangkan pengurusan ADHD memerlukan kerjasama bersepadu antara guru dan ibu bapa. Oleh itu, peranan ibu bapa dan pendidik amat penting dalam mengesan tanda-tanda ADHD, memberi sokongan yang sewajarnya, serta melaksanakan strategi intervensi bagi membantu kanak-kanak ini mencapai kejayaan dalam aspek akademik dan sosial (Tri Pujiati & Dinar Pratisti, 2024).

Guru sering berdepan cabaran besar dalam menangani tingkah laku murid ADHD, terutamanya apabila melibatkan kawalan emosi dan kelakuan impulsif yang sukar dijangka dan boleh berubah secara mendadak dalam tempoh yang singkat. Tingkah laku seperti menjerit, mengganggu rakan, mengetuk meja atau sukar memberi tumpuan merupakan simptom biasa yang sering menimbulkan gangguan dalam kelas. Menurut Renytha Dewi dan Irine Kurniastuti (2023), guru berperanan penting dalam memahami emosi dan tingkah laku murid ADHD dengan cara menyesuaikan pendekatan pembelajaran mengikut minat, tahap fokus, mood dan keperluan individu. Tanpa latihan khusus, guru akan bertindak di luar kawal seperti memarahi atau menghukum murid secara terbuka. Tindakan ini bukan sahaja memalukan murid ADHD, tetapi turut mencetuskan rasa tidak selesa dan tekanan emosi dalam dirinya (Salim et al., 2020).

Pengurusan tingkah laku kanak-kanak berkeperluan khas memerlukan strategi yang bukan sahaja sistematik, malah bersifat fleksibel dan bersesuaian dengan keperluan individu. Berdasarkan dapatan dan refleksi daripada kajian kes ini, beberapa cadangan penambahbaikan boleh diketengahkan bagi meningkatkan keberkesanan intervensi dan menyokong perkembangan holistik kanak-kanak berkeperluan khas, khususnya bagi murid ADHD. Intervensi yang dilaksanakan perlu disesuaikan dengan minat, tahap perkembangan dan kecenderungan semula jadi kanak-kanak (Tengku Nurlida, 2023). Aktiviti yang menyeronokkan seperti bermain berstruktur, aktiviti sensori dan permainan imaginatif boleh mengurangkan tekanan emosi serta meningkatkan penglibatan murid dalam pembelajaran (Zaitun & Aliza, 2021). Penyediaan beberapa pilihan aktiviti alternatif dalam Rancangan Pengajaran Individu (RPI) juga membantu mengelakkan kebosanan, seterusnya mencegah tingkah laku negatif yang berpunca daripada rasa jemu atau ketidakselesaan.

Guru yang berdepan dengan murid ADHD perlu dilengkapi dengan kemahiran khusus dalam mengurus emosi, mengaplikasi pendekatan positif dan membina hubungan sokongan dengan murid (Izuli & Fathiyah, 2024). Oleh itu, program latihan berkala yang bersifat praktikal seperti bengkel simulasi, latihan sendiri dan kursus jangka pendek dalam pengurusan tingkah laku perlu diwujudkan sebagai satu keperluan asas bagi semua guru. Latihan ini bukan sahaja dapat mempertingkatkan kemahiran, malah membina keyakinan guru dalam menangani situasi yang mencabar secara profesional. Guru memainkan peranan dalam usaha memberi semangat kepada pelajar untuk melakukan tingkah laku yang baik dengan memberikan ganjaran setiap kali pelajar menunjukkan perilaku yang positif serta membendung tingkah laku yang negatif dengan memberi teguran yang positif setiap kali pelajar melakukan kesalahan.

Bagi kanak-kanak yang menunjukkan kesukaran dalam komunikasi atau kawalan emosi, penggunaan bahan bantu visual seperti kad gambar, carta tingkah laku atau video pembelajaran boleh dijadikan alat rangsangan yang berkesan. Teknologi seperti tablet pendidikan atau aplikasi mudah alih yang direka untuk tujuan terapi tingkah laku juga boleh dimanfaatkan bagi merangsang minat murid serta membantu mereka mengurus perasaan dan reaksi diri (Norshila & Norshidah, 2021). Bahan ini bukan sahaja membantu guru dalam penyampaian, tetapi juga berpotensi menjadi alat sokongan sendiri kepada murid. Keberkesanan intervensi tidak bergantung kepada usaha di dalam bilik darjah sahaja, malah turut melibatkan pengukuhan sokongan di rumah. Justeru, penglibatan ibu bapa perlu diperkasakan melalui program kerjasama sekolah dengan rumah seperti sesi kaunseling keluarga, aktiviti bimbingan ibu bapa dan perkongsian maklumat perkembangan murid secara berkala. Apabila ibu bapa memahami keperluan anak mereka dan tahu bagaimana untuk membantu di rumah, intervensi yang dilaksanakan akan menjadi lebih berkesan, konsisten dan menyeluruh.

KESIMPULAN

Persekitaran bilik darjah yang tenang, teratur dan menyokong secara emosi amat penting dalam membantu kanak-kanak mengawal tingkah laku mereka. Penyusunan ruang yang mesra kanak-kanak, sudut bertenang, serta rutin harian yang konsisten dan jelas dapat mewujudkan rasa selamat dalam diri murid. Guru juga perlu dilatih untuk mengenal pasti tanda-tanda awal tekanan atau ketidakstabilan emosi dalam kalangan murid agar mereka dapat bertindak dengan lebih responsif dan empatik terhadap keperluan individu.

Tadika swasta dan institusi pendidikan awal kanak-kanak perlu membangunkan dasar dalaman yang menyokong pelaksanaan pendidikan inklusif secara menyeluruh. Ini termasuk menyediakan pelan tindakan khas untuk murid yang menunjukkan tingkah laku mencabar, melantik pegawai sokongan psikososial, serta menjalin kerjasama strategik dengan pakar luar seperti ahli terapi, kaunselor, ahli psikologi pendidikan, ahli psikologi klinikal dan pakar psikiatri. Selain itu, kefahaman yang mendalam dan komprehensif terhadap teori yang digunakan akan meningkatkan kualiti pendidikan dan intervensi yang dijalankan. Melalui sokongan pakar-pakar dan institusi yang tersusun dan komprehensif, usaha guru dan keluarga dalam membantu murid akan menjadi lebih sistematik dan menunjukkan hasil.

PENGHARGAAN

Kumpulan penyelidik ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada para penilai dan editor dalam proses penulisan kajian ini. Ucapan terima kasih juga kepada para pelajar, penyelia iaitu Dr Zanariah Mat Isa, PPD Besut, Sek Keb Pendidikan Khas, Besut dan para penyelidik dari IPG Sultan Mizan serta UKM, yang telah memberikan kerjasama dalam penghasilan kertas kajian ini. Kami ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Pusat Pengajian Citra Universiti, UKM atas sokongan yang diberikan melalui Geran Penyelidikan (CITRA-2024-007).

RUJUKAN

- Alon Nainggolan, & Adventrianis Daeli. (2021). Analisis Teori Perkembangan Kognitif Jean Piaget dan Implikasinya bagi Pembelajaran. *Journal of Psychology Humanlight*, 2(1):31-47.
- Azi Miftah Rizqi, Belva Saskia Permana, Haldini Reygita, Deti Rostika, and Ranu Sudarmansyah. 2024. Analisis Faktor Dan Dampak Perilaku Hiperaktif Siswa Sekolah Dasar Kelas Rendah Terhadap Hasil Belajar. *Khatulistiwa: Jurnal Pendidikan Dan Sosial Humaniora* 4(1):104-13. <https://doi.org/10.55606/khatulistiwa.v4i1.2723>.
- Donnie Adams, Aznan Che Ahmad and Rajaletchumy Kolandavelu. 2020. *Raising Your Child With Special Needs: Guidance & Practices*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia.
- Fabiano, G. A., Schatz, N. K., Aloe, A. M., Pelham, W. E., Smyth, A. C., Zhao, X., Merrill, B. M., Macphee, F., Ramos, M., Hong, N., Altszuler, A., Ward, L., Rodgers, D. B., Liu, Z., Ersen, R. K., and Coxe, S. 2021. Comprehensive Meta-Analysis of Attention-Deficit/Hyperactivity Disorder Psychosocial Treatments investigated within between group studies. *Review of Educational Research*, 91(5):718-60. <https://doi.org/10.3102/00346543211025092>
- Ghiyats Aiman, Ahmad Arifi, and Maryono. 2022. Perspektif Humanistik Abraham Maslow Untuk Menumbuhkan Karakter Siswa di Sekolah Menengah Atas. *Pendidikan Islam dan Multikulturalisme* 4(3): 349-58.
- Izuli Dzulkifli and Fathiyah Mohd Fakhruddin. 2024. Profesionalisme Guru Pendidikan Islam Dalam Pengajaran Kepada Murid Berkeperluan Khas Professionalism of Islamic Education Teachers in Teaching to Special Needs Students.
- Katrina Silitonga, Rosian Sibagariang, and Emmi Silvia. 2023. Pola Asuh Orang Tua Dalam Penanganan ADHD Pada Anak Usia Dini. *Jurnal Pendidikan Sosial Dan Humaniora* 2(3): 11345-56.
- Kolko, D. J., Hart, J. A., Campo, J., Sakolsky, D., Rounds, J., Wolraich, M. L., and Wisniewski, S. R. (2020). Effects of collaborative care for comorbid attention deficit hyperactivity disorder among children with behavior problems in pediatric primary care. *Clinical Pediatrics* 59(8): 787-800. <https://doi.org/10.1177/0009922820920013>
- Nafi, Mohd Noor Azam, Shahida Zu, Nur Afifah Hasan, Nik Izati Bayani Tuan Mohd Ariffin, Siti Nurhafizah Mohd Shafie, and Nasuhar Ab Aziz. 2021. Modelling the factors that Influence the awareness on ADHD of children among primary school teachers: a PLS–SEM approach. *Journal of Mathematics and Computing Science (JMCS)* 7(2), 68-80.
- Norshila Binti Roslin and Norshidah Mohamad Salleh. 2021. Penggunaan M-Learning Sebagai bahan bantu pengajaran dalam kelas pendidikan khas. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)* 6(5):53-63.

- Nurfarhana Awang, and Azmil Tayeb. (2022). Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) dan Konsep Kewarganegaraan Inklusif: Antara Normatif dan Realiti Suatu Kajian Komprehensif. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(5):1-17.
- Nurul Izzah Yusof, and Hazhari Ismail. 2020. Knowledge And Readiness Of Preschool Teachers In Accepting Special Needs Children. *PalArch's Journal of Archaeology of Egypt / Egyptology*, 17(6),12159-73. <https://archives.palarch.nl/index.php/jae/article/view/3056>
- Nurul Izzati Asyiqin Bahtiar and Manisah Mohd Ali. 2021. Pengaruh gaya keibubapaan terhadap penggunaan peranti teknologi dalam kalangan kanak-kanak bermasalah pembelajaran. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(1):500-14.
- Raudatus Syaadah, Hady Asy, Nurhasanah Silitonga, Fauziah Rangkyuty. 2022. Pendidikan Formal, Pendidikan Non Formal Dan Pendidikan Informal. *Jurnal Pema* 2(2), 125-31.
- Razimi Husin, Nurulhuda Hassan, Victor Sheng, Alia Tormiz, Syaiera Zulkapli, Mileny, Roslina Rosli, Rabiatul Adawiyah, Hishamuddin, Syafiqah Shahrudin, and Chelsea Adampai. (2021). Perspektif Guru Terhadap Pembelajaran Pelajar Remaja. *Journal of Humanities and Social Sciences* 3(1), 40-9.
- Renytha Dewi Anggraeni, and Irine Kurniastuti. 2023. Peran Guru Menangani Gangguan Fokus Belajar Pada Anak ADHD Di Sekolah Inklusi. *Prosiding Seminar Nasional Sosial dan Humaniora* 466-73.
- Salim, N. A., Aslindah, A., and Handayani, E. S. 2020. Analisis Motivasi Belajar Pada Siswa Adhd (Attention Deficit Hyperactivity Disorder) Di Sd Negeri 023 Samarinda Utara. *PENDAS MAHAKAM: Jurnal Pendidikan Dasar* 4(2): 82-98. <https://doi.org/10.24903/pm.v4i2.398>
- Sapon-Shevin, M. 2020. *Widening the circle: The power of inclusive classrooms*. Harvard Education Press.
- Siti Noridayu Abd. Nasir, Hazlina Abdul Halim, and Rohaidah Kamaruddin. (2024). Pemerolehan bahasa Pertama Murid Hiperaktif (ADHD) dalam Aspek Kehidupan Harian: Analisis Neuropsikolinguistik. *Journal of Communication in Scientific Inquiry (JCSI)* 4(1), 23-36. <https://ejournal.unimap.edu.my/index.php/jcsi/article/view/1047>
- Sunko, E., Batarelo Kokić, I., and Vlah, N. 2021. Teachers' inclusive beliefs and teaching practices in work with students with some inattentive symptoms associated with ADHD. *Zbornik radova Islamskog pedagoškog fakulteta u Zenici* 19(19):103-126.
- Tello, M. E. C., and Argudo-Serrano, J. C. 2024. Teaching strategies for children with attention deficit hyperactivity disorder in English as foreign language classrooms. *Resistances Journal of the Philosophy of History* 5(9): e240143. <https://doi.org/10.46652/resistances.v5i9.143>
- Tengku Nurlida Binti Tengku Zainul Abidin. 2023. *Kajian Kes Eksplorasi Kolaborasi Antara Artis Seni Dan Murid Disleksia Dalam Proses Seni Artistik Kreatif* (Doctoral dissertation).
- Tri Pujiati Sholikhah, and Dinar Pratisti, W. 2024. Kolaborasi Orang Tua - Guru dalam Mendukung Anak ADHD (Attention Dificit Hyperactivity Disorder): Sebuah Studi Kasus. *Prosiding Seminar Nasional Keguruan Dan Pendidikan (SNKP)*, 2(1), 294-300. <https://ejournal.ummuba.ac.id/index.php/SNKP/article/view/2120>
- UNESCO. 2021. *Reimagining our futures together: A new social contract for education*. United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization. <https://unesdoc.unesco.org/>

- United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization (UNESCO). (2020). *Global education monitoring report: Inclusion and education - All means all*. UNESCO. <https://unesdoc.unesco.org/ark:/48223/pf0000373662>.
- Yadav, S. K., Bhat, A. A., Hashem, S., Nisar, S., Kamal, M., Syed, N., Temanni, M. R., Gupta, R. K., Kamran, S., Azeem, M. W., Srivastava, A. K., Bagga, P., Chawla, S., Reddy, R., Frenneaux, M. P., Fakhro, K., and Haris, M. 2021. Genetic variations influence brain changes in patients with attention-deficit hyperactivity disorder. *Translational Psychiatry*, 11(1), 349. <https://doi.org/10.1038/s41398-021-01473-w>
- Yohan Kurniawan, and Lisfarika Napitupulu. 2024. Pengurusan Pendidikan Kanak-kanak Berkeperluan Khas di Sekolah Awam: Kajian Kes Kanak-kanak Autisme di Indonesia. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan* 11(4): 13-31.
- Zaitun Rosli and Aliza Alias. 2021. Keberkesanan Aktiviti Bermain Menangani Tingkah Laku Disruptif kalangan Murid Prasekolah di Awal Persekolahan [The Effectiveness of Play Activities in Addressing Disruptive Behaviour among Preschool Students in Early School]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences (e-ISSN: 2600-9080)* 4(4): 133-41.
- Zikpi, H. 2020. Inclusive Education in the United States of America: A Glimpse into Perceptions, Policy, and Structure. *Journal of Inclusive Education in Research and Practice* 1(1), 42-54.

NOR AZILAWATI MAT ISA
Pusat Pengajian Citra Universiti
Universiti Kebangsaan Malaysia
aziela@ukm.edu.my

DR. ZANARIAH MAT ISA
IPG Sultan Mizan
Besut, Terengganu
zanariah@ipgmksm.edu.my

DR. SYAIDATUN NAZIRAH ABU ZAHRIN
Pusat Pengajian Citra Universiti
Universiti Kebangsaan Malaysia
syaidatun@ukm.edu.my

NORMA AIDA ABDULLAH
Pusat Pengajian Citra Universiti
Universiti Kebangsaan Malaysia
norma@ukm.edu.my

NUR AMALIA FARISHA AB MAJID
IPG Sultan Mizan
Besut, Terengganu
amaliamajid11@gmail.com

NURUL HIDAYAH ABD JABAR
IPG Sultan Mizan
Besut, Terengganu
Hidayah040222@gmail.com

WAN NURIN NADIAH WAN ZALALUDDIN
IPG Sultan Mizan
Besut, Terengganu
nadiahn774@gmail.com

*Pengarang koresponden: syaidatun@ukm.edu.my

Received: 21 June 2025 / Accepted: 1 December 2025 / Published: 5 December 2025